

Islam dan al-Quran untuk semua

pendidikan al-Quran & OKU



Bersama NORAKYAIREE MOHD. RAUF
Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian
Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia

"KAMI mencari agama, kami nak belajar al-Quran..."

Itulah luahan panel forum dalam kalangan orang kelainan upaya (OKU) pekak di Simposium Khidmat Ummah (Dakwah OKU) yang berlangsung di Dewan Kuliah Utama, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 1 April 2015 lalu.

Hal ini membuatkan kita tertanya-tanya, adakah pendidikan Islam khususnya pengajian al-Quran itu seolah-olah 'milik eksklusif' bagi golongan tipikal? Adakah hanya untuk mereka yang boleh diajar dan belajar? Boleh bertutur? Boleh urus diri? Sedangkan kita meyakini bahawa Allah SWT menjadikan manusia dan setiap makhluk di langit serta muka bumi dengan sebaik-baik kejadian.

Adakah Dia terlupa dengan keperluan 'fitrah beragama' golongan minoriti yang Dia ciptakan ini sebagai khalifah di

muka bumi? Seorang bayi tidak dilahirkan (ke dunia) melainkan ia berada dalam kesucian (fitrah). Kemudian, ibu bapa akan menentukan sama ada ia menjadi Yahudi, Nasrani ataupun Majusi sebagaimana haiwan yang dilahirkan dalam keadaan

selamat tanpa cacat.

Maka, apakah kalian merasakan adanya cacat? Lalu Abu Hurayrah r.a. berkata: "Apabila kalian mahu, maka bacalah firman Allah yang berbunyi: *"Tetapi atas fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrahnya itu. Tidak ada perubahan atas fitrah Allah."* (Riwayat Muslim merujuk surah al-Rum ayat 30).

Melihat kepada isu dan cabaran OKU khususnya dalam merealisasikan konsep indahnya hidup beragama, antara perkara utama yang perlu diambil perhatian adalah sejauh mana masyarakat terutama golongan cerdas pandai dalam kalangan mahasiswa pengajian Islam mendekati dan memahami budaya golongan minoriti ini.

Keperluan kempen kesedaran yang bermula daripada menyemai konsep nilai dan kefahaman (*value oriented*) yang akhirnya akan meletakkan mahasiswa sebagai ejen da'ie yang menjadi nadi

MENYAMPAIKAN dakwah kepada golongan OKU memerlukan cara yang berbeza dan lebih mesra. — Gambar hiasan



penggerak (*people centred*) kepada dakwah OKU sehingga program-program berkaitan mekar walaupun di kawasan pedalaman.

Menurut Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Prof. Madya Dr. Adnan Mohamed Yusoff, budaya menghukum dalam kalangan masyarakat kita kadangkala menyebabkan pendekatan dakwah semakin ditinggalkan dan perkara ini menyebabkan golongan OKU contohnya semakin jauh dengan Islam.

Pengerusi Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa (Yayasan Faqeh), Mohd. Zaini Mat Abas pula menyebut bahawa isu masjid, program-program agama, pusat dakwah yang mesra OKU perlu dilihat dalam konteks kemahiran penyampaian ilmu dan maklumat dengan meraikan tahap serta kemampuan insan istimewa ini.

Tambah beliau, masyarakat Muslim di Malaysia dan benua lain sedikit

terkebelakang ketika memenuhi keperluan individu istimewa dalam masyarakat. Antara contoh yang paling jelas, tiada program dakwah di media elektronik yang mendapatkan khidmat jurubahasa isyarat. Lebih malang apabila golongan OKU pekak seperti tidak diraikan di mana-mana khutbah Jumaat di masjid.

Justeru, menyedari betapa pentingnya tulisan Braille kepada OKU penglihatan, bahasa isyarat sebagai medium komunikasi bagi OKU pekak dan terapi qurani asas kepada pembangunan spiritual OKU, ia perlu dimanfaatkan bagi mendekatkan insan istimewa itu dengan pendekatan dakwah.